

Jenis dan Fungsi Penggunaan Kata Ganti Nama Dalam Novel Salina

Midiyana binti Mohamad¹, Nor Azita Che Din¹, Farah Hanini Abd Rahman¹, Nurul Huda Mohd Saad²,
dan Nur Nadhirah Binti Mohd Solihin¹

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Kampus Alor Gajah, Melaka
midiy165@uitm.edu.my, norazita@uitm.edu.my, farahhanini@uitm.edu.my, nurulsaad@uitm.edu.my,
nr.nadhirah11@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini akan memberi fokus kepada kata ganti nama. Kata ganti nama ialah perkataan atau leksikal yang digunakan sebagai pengganti kepada kata nama. Menurut Asmah (2015), kata ganti nama merupakan kata yang berdiri di tempat kata nama dan boleh dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu kata ganti nama diri, ganti nama petunjuk dan ganti nama tanya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kata ganti nama dalam novel Salina karya A. Samad Said dan menganalisis fungsi iaitu penggunaan kata ganti nama yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said. Novel ini ialah satu karya agung yang bertaraf antarabangsa kerana ia telah dihasilkan oleh Sasterawan Negara dan pastinya mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri terutamanya dari segi penggunaan bahasa. Kajian ini akan mengaplikasikan konsep berkaitan kata ganti nama oleh Asmah Omar (2015). Kajian berbentuk deskriptif secara kualitatif ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu menganalisis data berbentuk teks sastera Melayu. Hasil dapatan menunjukkan kesemua jenis kata ganti nama terkandung dalam novel Salina karya A. Samad Said berserta dengan fungsi yang berbeza-beza. Secara keseluruhan kajian juga mendapati penggunaan kata ganti nama diri adalah yang paling dominan dalam teks karya sastera Melayu tersebut.

Kata kunci: Fungsi kata ganti nama, kata ganti nama, kata ganti nama diri, kata ganti nama petunjuk, kata ganti nama tanya

ABSTRACT

This study focuses on pronouns which are the word or lexical that can replace nouns. Pronouns are words that stand in place of nouns and can be divided into three fractions, namely personal pronouns, demonstrative pronouns, and interrogative pronouns (Asmah Omar, 2015). The objective of this study is to identify the types of pronouns in the novel of Salina by A. Samad Said and analyse the function of using pronouns in the novel Salina by A. Samad Said. This novel is a masterpiece of international standing because it was produced by a Malaysian National Laureate and certainly has its own uniqueness and specialities, especially in terms of language. The concept of pronouns by Asmah Omar (2015) will apply in this study. The document analysis method will apply in this qualitative descriptive study, which is to analyse data in the form of Malay literary texts. The findings show that all types of pronouns are contained in the novel Salina by A. Samad Said along with different functions. Overall, the study also found that the use of personal pronouns is the most dominant in the text of the Malay literature.

Keywords: Pronouns, personal pronouns, demonstrative pronouns, interrogative pronouns, pronouns functions

PENDAHULUAN

Kata ganti nama ialah perkataan atau leksikal yang digunakan sebagai pengganti kepada kata nama. Menurut S.T Alisjahbana (1963) dalam Abdullah Hassan (2006), istilah kata Ganti nama dalam golongan perkataan Bahasa Yunani dikenali sebagai *antonymia* iaitu perkataan yang menggantikan kata nama atau orang. Asmah Omar (2015) menjelaskan dari sudut nahu, kata ganti nama boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Ia juga secara amnya memasuki sistem tertutup. Ciri-cirinya memperlihatkan bahawa kata ganti nama ini boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan, iaitu kata ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya. Data yang akan digunakan dalam kajian ini ialah novel sastera Melayu iaitu novel Salina. Novel Salina merupakan sebuah karya sasterawan negara A. Samad Said yang telah diterbitkan pada tahun 1961.

Novel Salina ini turut memaparkan masyarakat yang berdepan dengan kelangsungan kehidupan dan lingkaran kemiskinan. Justeru itu, merujuk kepada latar dalam novel ini, kajian tentang kata ganti nama akan dilakukan untuk melihat fungsi penggunaan dari sudut nahu berkaitan elemen-elemen leksikal kata ganti nama yang digunakan oleh setiap masyarakat bahasa dalam interaksi seharian. Hal ini kerana aspek kata ganti nama amat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu. Penggunaan elemen-elemen leksikal ini penting bagi melancarkan dan menjaga hubungan antara individu. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti jenis dan fungsi penggunaan kata ganti nama tersebut dalam penghasilan novel Salina. Kajian ini turut akan mengaplikasikan kerangka konsep berkaitan kata ganti nama yang telah dipelopori oleh Asmah Omar (2015) sebagai panduan.

Kajian ini hanya memfokuskan dengan memberi penekanan kepada salah satu elemen dalam aspek morfologi iaitu kata ganti nama. Dalam meneliti aspek kata ganti nama ini, kajian juga memberi fokus dan berpanduan kepada konsep kata ganti nama yang dikemukakan oleh Asmah Omar (2015). Di samping itu, kajian ini hanya akan meneliti novel Salina karya A. Samad Said sebagai data kajian. Dua objektif dalam kajian ini iaitu untuk mengenal pasti jenis-jenis kata ganti nama dan menganalisis fungsi penggunaan kata ganti nama dalam Novel Salina Karya A.Samad Said.

Kajian berkaitan aspek kata ganti nama ini sememangnya telah mendapat banyak perhatian daripada pengkaji bahasa sejak dari dulu. Namun begitu, kebanyakan daripada kajian yang dilakukan meneliti aspek kata ganti nama di luar bidang tatabahasa. Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Normala Othman (2006) yang mengamati kata ganti nama dari sudut sosiolinguistik. Kajian yang bertajuk Aliran Semasa Penggunaan Kata Ganti Nama dalam Kalangan Penutur Melayu itu menghasilkan dapatan kajian yang menunjukkan perbezaan penggunaan leksikal kata ganti nama antara jantina lelaki dan perempuan. Namun begitu, tidak dinafikan juga terdapat kajian berkaitan aspek kata ganti nama dalam bidang tatabahasa yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Tetapi, ia kurang diketengahkan. Salah satu kajian tersebut ialah kajian daripada Anis Shahirah Sabarudin dan Kartini Abd Wahab (2023). Mereka menganalisis aspek kata ganti nama diri dalam Hikayat Sultan Ibrahim Ibn Adham. Dapatan kajian tersebut memperlihatkan bentuk KGND pertama, kedua dan ketiga banyak digunakan dalam teks hikayat lama.

Kajian ini hanya akan berpanduan konsep kata ganti nama yang dipelopori oleh Asmah Omar (2015) dalam buku Nahu Melayu Terakhir. Asmah Omar (2015) mengkonsepkan kata ganti nama sebagai kata yang berdiri di tempat kata nama. Dengan demikian kata ganti nama boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat. Melihat kepada ciri-cirinya, kata ganti nama boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan iaitu ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini merupakan pendekatan kualitatif yang meneliti teks karya sastra Melayu secara deskriptif. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu menganalisis data berbentuk teks. Data yang terlibat ialah novel Salina karya A. Samad Said (2023). Data kajian akan dianalisis berpandukan konsep kata ganti nama oleh Asmah Omar (2015). Asmah (2015) membahagikan kata ganti nama kepada kata ganti nama diri, kata ganti nama penunjuk dan kata ganti nama tanya. Manakala fungsi kata ganti nama pula secara umumnya melibatkan fungsi yang berkaitan dengan subjek, objek, predikat nama, milik, adverba penyertaan dan adverba agentif. Dalam kajian ini, kaedah analisis kandungan teks akan diaplikasikan untuk mengenal pasti jenis-jenis kata ganti nama dan menganalisis fungsi penggunaan kata ganti nama dalam novel Salina karya A. Samad Said. Data yang dianalisis akan dikumpul dan dikelompokkan mengikut jenis dan fungsi penggunaannya.

DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian telah dijalankan berpandukan konsep kata ganti nama oleh Asmah Omar (2015). Asmah Omar (2015) menjelaskan bahawa kata ganti nama boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan iaitu pertama; ganti nama diri. Kata ganti nama diri ini pula terbahagi kepada tiga jenis iaitu ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Selain itu, ganti nama diri juga terdapat dalam bentuk klisis. Kedua; ganti nama penunjuk dan ketiga; ganti nama tanya.

Jenis Kata Ganti Nama Diri Pertama

Menurut Asmah Omar (2015), kata ganti nama diri pertama terdiri daripada bentuk mufrad dan jamak. Kata yang tergolong dalam bentuk mufrad ialah saya, patik, beta dan aku. Manakala kata dalam bentuk jamak pula ialah kami dan kita. Hasil analisis memaparkan empat jenis penggunaan kata ganti nama diri pertama yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said iaitu aku, saya, kita dan kami.

Jumlah keseluruhan jenis kata ganti nama diri pertama yang telah diperoleh berdasarkan analisis adalah sebanyak 220 jenis kata. Kata ganti nama diri aku mencatatkan jumlah data paling tinggi dijumpai iaitu sebanyak 103 jenis kata. Selain itu, kata ganti nama diri saya pula memperlihatkan jumlah data kedua tertinggi iaitu sebanyak 78 jenis kata dan kata ganti nama kita pula adalah sebanyak 31 jenis kata. Akhir sekali, jumlah data paling sedikit ialah kata ganti nama diri kami iaitu sebanyak lapan jenis sahaja.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat kata ganti nama diri pertama yang telah dapat dikenal pasti. Berikut merupakan antara data yang dikenal pasti:

Jadual 1 Kata Ganti Nama Diri Pertama

Data	Ayat
1.	"Apa yang harus aku perbuat?" (B6, hlm. 94, P3, KGND1)
2.	"Nama saya Salina, Siti Salina." (B1, hlm. 25, P5, KGND1)
3.	"Asal saja orang itu tak main mata dengan adik atau keluarga kita ." (B9, hlm. 124, P13, KGND1)
4.	"Dah lama kami cari rumah, tak dapat." (B1, hlm. 23, P1, KGND1)

Berdasarkan Jadual 1 di atas, Data 1 menunjukkan data jenis kata ganti nama diri pertama “aku” yang telah dikenal pasti dalam novel Salina karya A. Samad Said. Data dalam ayat ‘Apa yang harus **aku** perbuat?’ juga menunjukkan jenis kata ganti nama diri pertama aku yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said. Kata ganti nama aku tersebut telah dikenal pasti terletak di tengah ayat dan ia juga berbentuk mufrad. Data 2 pula menunjukkan ayat yang mengandungi jenis kata ganti nama diri pertama “saya”. Ayat tersebut ialah “Nama **saya** Salina, Siti Salina” yang memaparkan penggunaan ganti nama diri “Saya” pada awal ayat dan juga dalam bentuk mufrad. Seterusnya kata ganti nama diri pertama “kita” yang telah diperoleh berdasarkan analisis. Dalam ayat Data 3 tersebut, penggunaan kata ganti nama “kita” adalah sebagai ganti nama manusia jamak yang juga dikenali sebagai jamak inklusif iaitu dengan memasukkan orang kedua. Kata ganti nama diri pertama yang seterusnya dalam data kajian ialah “kami” seperti yang tertulis dalam Data 4. Dalam konteks ayat tersebut, kata ganti nama “kami” merupakan kata berbentuk jamak kerana melibatkan tiga orang dalam perbualan. Namun begitu, penggunaan kata ganti kami hanya menggantikan orang pertama tanpa melibatkan orang kedua.

Jenis Kata Ganti Nama Diri Kedua

Hasil daripada analisis menunjukkan dua jenis kata ganti nama diri kedua yang didapati iaitu “engkau” dan “angkau”. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, jumlah data paling tinggi ialah kata ganti nama diri Angkau iaitu sebanyak 50 jenis penggunaan yang dikenal pasti. Selain itu, kata ganti nama diri “engkau” pula menunjukkan jumlah data sebanyak tiga jenis penggunaan sahaja. Kedua-dua jenis kata ganti nama diri kedua tersebut memperlihatkan jumlah keseluruhan sebanyak 53 jenis penggunaan dalam novel Salina karya A. Samad Said.

Jadual 2 Kata Ganti Nama Diri Kedua

Data	Ayat
5.	“Siang-siang angkau tak boleh ambil air.” (B1, hlm. 28, P2, KGND1)
6.	“ Engkau tak ingat diri kau dipungut dulu, hah?” (B4, hlm. 64, P1, KGND1)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, “angkau” dan “engkau” ialah jenis kata ganti nama diri kedua yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said. Kata ganti nama diri tersebut telah dikenal pasti pada tengah ayat dan permulaan ayat. “Angkau” dan “engkau” termasuk dalam kata ganti nama diri berbentuk mufrad menurut Asmah (2025).

Jenis Kata Ganti Nama Diri Ketiga

Asmah Omar (2015) menyatakan bahawa kata ganti nama diri ketiga “dia” sebagai kata berbentuk mufrad yang mempunyai bentuk utuh.

Jadual 3 Kata Ganti Nama Diri Ketiga

Data	Ayat
7.	Dia membetulkan tudung cereknya. (B3, hlm. 48, P4, KGND1)
8.	“Apa yang merapatkan mereka ?” (B6, hlm. 90, P8, KGND1)
9.	Memang ingin ia menghadapinya selama ini, tetapi kesempatan yang baik tiada. (B4, hlm. 64, P3, KGND3)

Berdasarkan Jadual 3 di atas, terdapat jenis kata ganti nama diri ketiga “dia” dan “mereka” yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said. “Dia” merupakan kata ganti nama mufrad diri kerana hanya menggantikan nama satu manusia. Manakala kata ganti nama “mereka” sebagai pengganti kepada orang ketiga jamak iaitu dua orang manusia. Seterusnya dalam konteks Data 9, kata ganti nama diri “ia” adalah sebagai pengganti kepada nama manusia.

Jenis Kata Ganti Nama Bentuk Klisis

Kata ganti nama bentuk klisis didefinisikan sebagai kata yang berbentuk lemah. Perkataan-perkataan tersebut adalah **ku**, **mu**, **kau** dan **nya**. Semua kata ganti nama bentuk klisis dikategorikan sebagai bentuk mufrad (Asmah Omar, 2015). Berdasarkan analisis yang dibuat jumlah keseluruhan bagi keempat-empat jenis data adalah sebanyak 251 jumlah data. Jumlah kata ganti nama klisis yang paling banyak ialah “kau” sebanyak 202 dan yang paling sedikit ialah kata ganti nama “mu” iaitu hanya 1 sahaja.

Jadual 4 Kata Ganti Nama Bentuk Klisis

Data	Ayat
10.	“ Kau sekolah di mana?” (B1, hlm. 23, P4, BK)
11.	“Nanti kalau dia banyak-banyak cakap dia akan tergigit lidah nya sendiri.” (B4, hlm. 67, P5, BK)
12.	“Ya, budi baik tak boleh kulupakan sampai bila-bila.” (B4, hlm. 63, P6, BK)
13.	“Sudahlah Inah, jangan kau ikutkan sangat hatimu.” (B10, hlm. 151, P5, BK)

Berdasarkan Jadual 4 di atas, analisis menunjukkan keempat-empat bentuk kata ganti nama klisis ada dalam data kajian. Berdasarkan Data 10, kata ganti nama bentuk klisis “kau” ialah singkatan daripada perkataan “engkau” dan sebagai ganti nama kepada manusia. Ayat dalam Data 11, merupakan jenis kata ganti nama bentuk klisis “-nya” yang telah dikenal pasti sebagai ganti nama manusia ketiga. Seterusnya Data 12 pula menunjukkan adanya kata ganti nama bentuk klisis “ku” merupakan bentuk klisis atau singkatan bagi perkataan “aku” iaitu kata ganti nama diri pertama. Manakala dalam Data 11 memaparkan jenis kata ganti nama bentuk klisis “mu” yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said. Asmah Omar (2015) menyatakan bahawa kata ganti nama bentuk klisis mu merupakan singkatan daripada kata ‘kamu’ iaitu kata ganti nama diri kedua.

Jenis Kata Ganti Nama Penunjuk

Ganti nama penunjuk adalah ganti nama yang dengan jelas menunjukkan kepada rujukan berdasarkan ukuran jarak. Menurut Asmah Omar (2015), terdapat dua jenis kata ganti nama penunjuk iaitu “itu” dan “ini”. Berdasarkan analisis yang telah dibuat jumlah keseluruhan kata ganti nama penunjuk yang telah dikenal pasti ialah sebanyak 18 jumlah data. Jumlah ini mengumpulkan sebanyak 12 jumlah data daripada kata ganti nama penunjuk “ini” dan enam jumlah data daripada kata ganti nama penunjuk “itu”.

Jadual 5 Kata Ganti Nama Penunjuk

Data	Ayat
14.	“ Ini siapa?” tanya Kurupaya sambil menunjuk Hilmy. (B1, hlm. 29, P2, KGNP)
15.	“Hah, itulah abang saya.” (B2, hlm. 40, P5, KGNP)

Berdasarkan Jadual 5 di atas, jenis kata ganti nama penunjuk “ini” dan “itu” yang telah di dapati berdasarkan analisis. “Ini” dalam Data 11 dikatakan sebagai kata ganti nama penunjuk kerana berdasarkan konteks ayat tersebut ganti nama penunjuk ini digunakan untuk merujuk kepada manusia iaitu Hilmy yang mempunyai ukuran jarak dekat dengan penutur iaitu Kurupaya. Seterusnya “itu” dalam Data 15 dikatakan sebagai ganti nama penunjuk “itu” kerana jarak orang yang bercakap dengan rujukannya adalah jauh. Perkara ini sama seperti yang dijelaskan oleh Asmah Omar (2015) iaitu kata ganti nama diri penunjuk “itu” dikira dari orang yang bercakap tersebut jauh darinya.

Jenis Kata Ganti Nama Tanya

Ganti nama tanya merupakan kata yang menggantikan kata nama dalam pertanyaan. Kata dalam subgolongan ini boleh menggantikan kata nama atau kata bilangan. Kata ganti nama tanya terdiri daripada kata “apa”, “siapa”, “(yang) mana” dan “berapa” (Asmah Omar, 2015). Hasil daripada analisis mendapati keempat-empat jenis kata ganti nama telah dapat dikenal pasti dalam novel Salina karya A. Samad said. Kata yang paling banyak ialah “apa” iaitu sebanyak 113 dan yang paling sedikit ialah “(yang) mana” iaitu 2 sahaja.

Jadual 6 Jenis Kata Ganti Nama Tanya

Data	Ayat
16.	“ Apa ni dalam bungkusan, mak?” (B3, hlm. 59, P8, KGNT)
17.	“Bergaduh dengan siapa ?” (B2, hlm. 37, P6, KGNT)
18.	“ Berapa itu orang kasi wang kopi?” (B1, hlm. 20, P4, KGNT)
19.	“Orang (yang) mana satu?” (B4, hlm. 69, P2, KGNT)

Berdasarkan Jadual 6 di atas, semua bentuk kata ganti nama tanya ditemui dalam data kajian. Kata ganti nama tanya “apa” dalam ayat Data 16 menurut (Asmah Omar, 2015) menunjukkan kata yang menggantikan nama bukan hidup iaitu benda-benda yang terdapat dalam bungkusan. Berdasarkan konteks ayat tersebut, kata ganti nama tanya “siapa” merujuk kepada nama manusia yang melakukan perbuatan bergaduh. Ganti nama tanya “siapa” ialah kata yang menggantikan kata nama manusia seperti dalam Data 17. Kata ganti nama tanya “berapa” didefinisikan sebagai kata pengganti kepada kata bilangan. Menurut Asmah Omar (2015), kata bilangan ialah satu daripada subgolongan kepada kata benda. Seterusnya kata ganti nama “(yang) mana” iaitu kata ganti nama yang boleh menggantikan semua kata nama, contohnya seperti yang tercatat dalam Data 19.

Fungsi Penggunaan Kata Ganti Nama dalam Novel Salina Karya A. Samad Said.

Bahagian ini akan menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai fungsi penggunaan kata ganti nama yang telah dikenal pasti dalam novel Salina karya A. Samad Said.

Fungsi Penggunaan Kata Ganti Nama Diri sebagai Subjek

Berdasarkan Nik Safiah Karim et al (2015), subjek kepada sesuatu bentuk ayat ialah konstituen yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan. Subjek bagi setiap ayat hanyalah terdiri daripada frasa nama atau unsur yang berfungsi sebagai frasa nama.

Jadual 7 Kata Ganti Nama Diri sebagai Subjek

Data	Ayat
1.	' Aku terhutang budi,' kata hati Sunarto. (B4, hlm. 62 , P4, KGND1)
2.	' Kami bukannya baru berbaik-baik.' (B6, hlm. 90 , P4, KGND1)
3.	" Kau sekolah di mana?" (B1, hlm. 23, P4, BK)
4.	" Berapa itu bilik punya sewa sekarang?" (B1, hlmn 20, P2, KGNT)
5.	" Ini perempuan angkau jangan percaya, tau?" (B1, hlmn27, P2, KGNP)

Berdasarkan Jadual 7 di atas, semua kata ganti nama yang disenaraikan dalam jadual menunjukkan kata ganti nama yang berfungsi sebagai subjek. Subjek ayat dalam bahasa Melayu selalunya ialah frasa nama (Nik Safiah et.al 2015). Oleh itu kata ganti nama juga merupakan unsur frasa nama kerana menjadi pengganti kepada kata nama manusia.

Kata Ganti Nama Diri sebagai Objek

Objek menurut Norsofiah Abu Bakar dan Hasmidar Hassan (2023) ialah fungsi tatabahasa yang hadir sesudah kata kerja. Bentuk binaannya biasanya melibatkan kata kerja + objek (kata nama).

Jadual 8 Kata Ganti Nama Diri sebagai Subjek

Data	Ayat
6.	"Dialah yang menanggung kami semua." (B2, hlm. 38, P4, KGND1)
7.	"Jadi, saya mau angkau kasi angkau punya sewa rumah lima hari bulan tiap-tiap bulan" (B1, hlm. 29 , P8, KGND2)
8.	Hilmy merapati mereka , tidak rapat sangat, kerana diketahuinya bahawa ibunya tentu sedang berbual dengan tauke rumah itu. (B1, hlm. 29 , P1, KGND3)

Berdasarkan jadual 8 di atas, semua kata ganti nama yang terlibat dan ditulis dalam huruf tebal ialah kata ganti nama yang berfungsi sebagai objek. Kata ganti nama yang terlibat ialah kata ganti nama diri pertama (Data 6), kata ganti nama diri kedua (Data 7) dan kata ganti nama diri ketiga (Data 8). Dalam semua ayat di atas melibatkan kata ganti nama diri yang hadir selepas kata kerja transitif. Oleh itu kata ganti nama tersebut berfungsi sebagai objek.

Kata Ganti Nama Diri sebagai Milik

Kata ganti nama diri memainkan peranan penting dalam menggambarkan pemilikan atau pemilikan objek, idea, dan hubungan. Semua kata ganti nama diri menjadi fungsi milik apabila diletakkan selepas kata nama yang menyatakan objek yang dimiliki, atau oleh penambahan daripada perkataan punya (W. G. Shellabear, 1912).

Jadual 9 Kata Ganti Nama Diri sebagai Milik

Data	Ayat
9.	"Rumah kita ini tak layak kita diami." (B7, hlm. 109 , P4, KGND1)
10.	Bilik mereka sudah dibersihkan dua hari sebelum mereka pindah ke rumah itu. (B1, hlm. 22 , P3, KGND3)
11.	"Sudahlah Inah, jangan kau ikutkan sangat hatimu ." (B10, hlm. 151, P6, BK)

Berdasarkan Jadual 9 di atas, semua data menunjukkan kata ganti nama diri pertama (Data 9), kata ganti nama diri ketiga (Data 10) dan kata ganti nama bentuk klisis (Data 11) yang menunjukkan fungsi milik. Semua kata ganti nama diri menjadi fungsi milik apabila diletakkan selepas kata nama yang menyatakan objek yang dimiliki, atau oleh penambahan daripada perkataan punya. Contohnya seperti Data 9 yang menjelaskan kata ganti nama diri "kita" dalam ayat tersebut menggantikan kata nama manusia jamak. Dalam konteks ayat tersebut, bentuk binaannya memperlihatkan kata ganti nama diri "kita" yang hadir selepas kata nama sesuatu yang mereka miliki iaitu "rumah".

Kata Ganti Nama sebagai Adverba Penyertaan

Fungsi adverba penyertaan ialah sebagai kata yang menjawab dengan siapa sesuatu itu dilakukan. Bentuk yang mewujudkan adverba ini ialah kata depan + kata nama bernyawa. Tambahan pula, kata depan harus diwakili oleh kata (dengan) atau (bersama).

Jadual 10 Kata Ganti Nama Diri Pertama sebagai Adverba Penyertaan

Data	Ayat
12.	"Dengan saya , dia tak usah buat main." (B4, hlm. 73 , P4, KGND1)
13.	"Kenapa kau begitu bodoh bergaduh dengannya ?" (B8, hlmn117, P1, BK)
14.	"Bergaduh dengan siapa ?" (B7 , hlmn 102 , P3, KGNT)

Berdasarkan Jadual 10 di atas, jelas menunjukkan kata ganti nama yang berfungsi sebagai adverba penyertaan. Hal ini dapat dilihat contohnya dalam Data 12, kerana kata ganti nama "saya" dalam ayat tersebut hadir selepas perkataan "dengan". Tambahan pula, frasa pada permulaan ayat tersebut memaparkan bentuk seperti dengan sebagai kata depan + kata ganti nama saya sebagai kata nama bernyawa. Menurut Asmah Omar (2015), adverba penyertaan merupakan kata yang hadir bersama-sama dengan kata (dengan) atau (bersama).

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini dapat mengumpulkan setiap kata ganti nama yang digunakan dalam novel Salina karya A. Samad Said. Setiap jenis kata ganti nama telah dikenal pasti bermula daripada kata ganti nama diri manusia; pertama, kedua, ketiga dan bentuk klisis. Selain itu, kata ganti nama penunjuk dan kata ganti nama tanya juga telah ditemui dalam data kajian. Hasil daripada analisis, dapat disimpulkan bahawa penggunaan kata ganti nama diri ketiga *ia, dia* dan *mereka* memaparkan jumlah data yang paling tinggi dan jumlah data paling sedikit ialah kata ganti nama penunjuk *itu* dan *ini*. Dapatan kajian juga memaparkan perbezaan varisasi bagi setiap fungsi penggunaan kata ganti nama tersebut. Secara umumnya terdapat empat fungsi utama yang ditemui dalam data kajian iaitu fungsi kata ganti nama sebagai subjek, objek, pemilik atau milik dan adverba penyertaan. Secara keseluruhannya, jenis-jenis dan fungsi penggunaan kata ganti nama dalam novel Salina karya A. Samad Said ini berkait rapat dengan latar kehidupan masyarakat dalam novel tersebut. Penggunaan kata ganti nama diri paling banyak didapati disebabkan interaksi seharian masyarakat bahasa dalam penceritaan itu dengan tujuan untuk mengeratkan perhubungan antara individu.

RUJUKAN

- A. Samad Said. (2023). Salina. Nuha Creatives Resource.
- Abdullah Hassan. (2006). Morfologi Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, (pp 18-45). PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Omar. (2015). Nahu Melayu Mutakhir. pp 237- 240. Dewan Bahasa Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, (pp 263-265). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normala Othman. (2006). Current Trends in Pronoun Usage Among Malay Speakers. Paper presented at Tenth International Conference on Austronesian Linguistics. Puerto Princessa City, Palawan, Philippines. <http://www.sil.org/asia/philippines/ical/papers.htm>.
- Norsofiah Abu Bakar dan Hasmidar Hassan. (2023). Objek dalam Ayat Transitif Bahasa Melayu: Analisis Program Minimalis. Jurnal Bahasa, 23 (1), 169-190. https://www.researchgate.net/publication/370475349_Objek_dalam_Ayat_Transitif_Bahasa_Melayu_Analisis_Program_Minimalis.
- W. G. Shellabear. (1912). A Practical Malay Grammar. Singapore: Methodist Publishing House.